

11/02/2002

Pendatang asing jadi ancaman kepada Malaysia

Dzulkfley Zanudin

MALAYSIA yang terkenal sebagai lubuk rezeki pendatang dan pekerja asing sejak dulu lagi nampak gayanya sudah semakin hilang sabar dengan gelagat rakyat asing terbabit berikutan beberapa isu yang mencabar kedaulatannya kebelakangan ini.

Paling ketara adalah rusuhan dan sikap samseng beberapa kumpulan rakyat Indonesia tidak kira apa suku atau keturunan mereka sehingga menyebabkan Kuala Lumpur terpaksa bertindak tegas menggantung pengambilan pekerja baru Indonesia ke negara ini.

Ini termasuk rusuhan pekerja kilang tekstil di Nilai, Negeri Sembilan dan pergaduhan dan rusuhan di Kampung Limau Manis, Dengkil, Selangor. Sebulan sebelum itu, lebih 1,600 pendatang haram Indonesia merusuh di sebuah kem tahanan di Johor dan membakar tempat penginapan mereka.

Namun kalau mahu dikira banyak lagi kejadian membabitkan pekerja asing, terutama rakyat Indonesia yang perlu dijadikan alasan mengapa kehadiran mereka tidak diperlukan lagi di sini malah menimbulkan rasa benci dan meluat penduduk tempatan.

Kehadiran mereka sebagaimana pekerja asing yang kerap menimbulkan masalah seperti Thailand, Filipina dan Bangladesh perlu diambil perhatian untuk mengelak ia menjadi barah serta kemarahan rakyat Malaysia sendiri.

Lembah Klang yang menjadi tumpuan ekonomi dan pembangunan negara ini seolah-olah menjadi lubuk rezeki mereka, khususnya pendatang haram dan penduduk tetap dari negara itu dengan menjadikan banyak penempatan seolah-olah koloni atau tanah jajahan Indonesia yang tersendiri.

Keadaan itu begitu ketara di perkampungan Melayu di pinggir bandar seperti Kampung Pandan, Kampung Datuk Keramat dan Kampung Baru serta kini menular di daerah sekitar Selangor seperti Gombak dan Hulu Langat. Kehadiran mereka begitu ketara di premis perniagaan kecil dan besar seperti tapak pasar malam, gerai dan malah kedai runcit dan restoran.

Sebagaimana kebimbangan yang ditimbulkan sesetengah pengkaji sosial dan rakyat yang prihatin, lama kelamaan kehadiran dan pembiakan koloni itu akan dijadikan faktor yang memudahkan Indonesia bertindak ke atas Malaysia seandainya wujud lagi konfrontasi antara kedua-dua negara pada masa depan.

Kegiatan rakyat asing, terutama Indonesia, Thailand, Kemboja, Bangladesh, Pakistan, malah Afghanistan dan India berniaga walaupun ramai mereka beragama Islam tidak harus dibiarkan kerana itu jelas melanggar peraturan di sini.

Pihak berkenaan terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan polis sewajarnya sudah lama bertindak terhadap semua pekerja, peniaga dan rakyat Indonesia terutama di Chow Kit serta penjual kain misalnya di Arked Ibu Kota dan sekitar bazar di Jalan Tuanku Abdul Rahman tanpa menunggu arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang mahu tindakan diambil ke atas peniaga terbabit.

Takkanlah pegawai terbabit yang lebih suka bertindak menyaman pemandu kereta yang salah letak kenderaan tidak tahu membezakan atau memeriksa dokumen serta latar belakang semua peniaga kerana lesen perniagaan dikeluarkan mereka.

Seandainya peniaga tempatan menjual lesen itu sudah seharusnya tindakan tegas dan menyenaraihitamkan golongan itu wajar diambil, manakala ketegasan semata-mata dapat menyekat kehadiran peniaga atau penjaja asing itu, tidak kira sekecil mana mereka hatta tukang kasut sekalipun.

Penjaja asing pula memang diketahui licik dengan kemampuan mereka mengelak tindakan sama ada menggunakan kuasa rasuah atau menyembunyikan kegiatan mereka.

Malah ada tukang kasut asing yang menjalankan kegiatan depan kaki lima barisan kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman menyorok barangan niaga mereka bawah penutup pili bomba atau air serta mendapatkan khidmat peniaga sesama bangsa mereka untuk menyimpan barangan di kedai besar terbabit.

Semua itu memerlukan tindakan terperinci dan tegas malah sehingga ke lubang cacing oleh penguatkuasa kita bagi membanteras kegiatan dan perniagaan rakyat asing itu.

Memang kita inginkan pelabur tetapi bukannya rakyat asing sama ada pendatang haram atau pemilik status penduduk tetap (PR) menyalahgunakan kehadiran mereka secara haram untuk berniaga atau menjalankan kegiatan yang dilarang dokumen perjalanan masing-masing.

Malah, berikutan kecuaiannya dan dalam sesetengah kes kegiatan rasuah pihak berkuasa menyebabkan rakyat asing terbabit, terutama Indonesia, Thailand, Kemboja dan Bangladesh bebas berniaga di premis tetap.

Lihat sajalah keadaan di bandar raya Kuala Lumpur terutama sekitar Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Petaling dan kaki lima kebanyakan jalan utama, ramai rakyat Indonesia kebanyakannya bebas menjaja dan berniaga.

Antara perniagaan mereka ialah gerai makan, rokok, jamu, ubat-ubatan tradisional, pakaian dan tekstil, kaset, buah-buahan, malah akhbar khusus untuk rakyat mereka sendiri.

Seandainya kita berada di tempat itu seolah-olah kita berada di Jakarta atau Medan, itu belum lagi mengambil kira sikap samseng mereka dan kegiatan jenayah atau negatif yang mungkin mereka lakukan secara terang-terangan atau sembunyi.

Dalam hal ini, penguatkuasaan ke atas rakyat, pekerja atau peniaga asing itu terletak pada polis, kakitangan imigresen, pihak berkuasa tempatan, malah jabatan agama Islam setempat.

Ini kerana tidak saja mereka melanggar undang-undang imigresen dengan berniaga atau berniaga di negara ini secara haram, yang jelas sudah ada tanda-tanda kehadiran mereka mencabar kewibawaan kedaulatan undang-undang Malaysia.

Kegiatan maksiat yang membabitkan sekumpulan rakyat Indonesia dan Bangladesh beragama Islam termasuk di Selangor baru-baru ini jelas memperlihatkan mereka tidak menghormati negara ini, malah menjatuhkan maruah Islam sebagai agama rasmi Malaysia.

Begitu juga dengan kegiatan rakyat Indonesia beragama Kristian mengedar risalah dan kitab terbitan institusi gereja di negara mereka untuk cuba mempengaruhi umat Islam di Malaysia.

Selain itu, kehadiran rakyat asing terbabit sama ada Indonesia atau Bangladesh, terutamanya membawa masuk pelbagai penyakit yang selama ini sudah berjaya dibanteras di Malaysia menerusi pelbagai program penjagaan kesihatan bersistematik sejak negara ini mencapai kemerdekaan.

Kehadiran rakyat asing, terutama Indonesia turut mengundang pelbagai padah dari segi jenayah dan kegiatan militan sebagaimana kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang dipengaruhi oleh ulama dari Indonesia seperti Abu Bakar Bashir.

Tetapi yang hairannya Polis Republik Indonesia (Polri) seolah-olah tidak peka terhadap semangat setiakawan sesama Asean dengan tidak membantu Polis Diraja Malaysia dan Polis Singapura bertindak ke atas Abu Bakar.

Sebaliknya, Abu Bakar yang diburu polis Malaysia kerana pembabitannya dalam KMM sebelum muncul semula di Jakarta hanya sekadar disoal selama dua hari oleh polis Indonesia.

Dalam hal ini, sudah tiba masanya pihak berkuasa Malaysia bertindak

tegas terhadap kumpulan militan dan penjenayah rakyat asing dari mula lagi kerana sudah jelas mereka tidak akan mendapat banyak bantuan yang amat diperlukan dari pihak berkuasa jiran sebagaimana kes Abu Bakar yang entah macam mana mendapat taraf PR Malaysia tetapi masih menjadi pemimpin Majlis Mujahidin Indonesia.

Kehadiran ramai rakyat asing, terutama Filipina dan Indonesia di Sabah dan Sarawak juga suatu isu yang perlu diselesaikan dengan tegas kerana kehadiran mereka semakin menimbulkan kemelut sosiopolitik di kedua-dua negeri di Malaysia Timur itu.

Lantaran itu rancangan untuk menghantar pulang 30,000 pendatang asing, terutama rakyat Filipina dan Indonesia dari Sabah sebagai sebahagian gerakan ke atas buruh asing sememangnya wajar dan tepat masanya.

Kenyataan Dr Mahathir baru-baru ini sudah jelas Malaysia mempunyai lebih pekerja asing dan tidak perlukan pekerja baru serta mahu semua pihak berkuasa bertindak tegas bagi tujuan itu.

Perdana Menteri mempertahankan tindakan Malaysia dan berkata keputusan itu tidak akan menjejaskan hubungan kedua-dua negara yang mana perusuh Indonesia itu sendiri yang wajar dipersalahkan kerana keadaan itu.

Malaysia yang mempunyai 23 juta penduduk terpaksa menampung dua juta pendatang, kurang separuh daripadanya masuk secara sah. Kebanyakan pekerja asing diberikan kelulusan sementara untuk bekerja di Malaysia.

Pihak berkuasa baru-baru ini mengumumkan langkah lebih tegas untuk membanteras kemasukan pendatang haram, termasuk kawalan helikopter dua kali sehari di beberapa kawasan dan rancangan untuk menyekat pendatang.

Telinga kita juga pedas dengan kenyataan nakal media dan pemimpin Jakarta, termasuk Jakarta Post yang menganggap Malaysia tidak mengenang budi pekerja Indonesia khususnya dalam sektor pembinaan.

Sebenarnya, Malaysia jika mengambil kira tenaga kerjanya terutama di luar bandar tidak memerlukan lagi pekerja asing seandainya kekosongan itu diisi tenaga anak-anak muda dan lepasan sekolah dari kampung.

Malah dalam era 1960-an dan 1970-an dulu, banyak pembinaan di Kuala Lumpur dilakukan tenaga anak muda Melayu dari kampung yang kemudiannya mewujudkan penempatan setinggan sebelum ditukar menjadi penempatan lot atau lebih tersusun.

Bagaimanapun, semangat kental perlu ada di kalangan tenaga muda di kampung sekarang berikutan mereka semakin manja dan enggan melakukan kerja kasar atau kolar biru.

Dalam hal ini, menjadi tanggungjawab institusi pendidikan dan pemimpin masyarakat untuk membetulkan minda dan semangat kerja mereka.

Berbalik kepada isu pekerja asing, terutama dari Indonesia, sudah tiba masanya negara terbabit berusaha membangunkan sendiri sumber rezeki di negara itu tanpa cuba mencari pelbagai alasan seandainya Malaysia bertindak tegas menyekat kemasukan pekerjaannya secara haram atau sah.

Malah, ada pemimpin di Indonesia yang dengan nada provokatif menyatakan gerakan tegas tidak mampu menyekat kemasukan pekerjaannya, malah membayangkan kebanjiran pekerja haram akan melanda Malaysia.

Padahal sudah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa di negara itu untuk mencegah pengaliran keluar secara haram rakyatnya ke negara jiran terutama mengambil kira semangat kerjasama dan setiakawan Asean.

Namun, Naib Presiden Indonesia, Hamzah Haz yang sedar perbuatan sesetengah anak buahnya yang cuba bermain api isu itu cepat-cepat menyatakan perlunya Jakarta mengambil pendekatan dalam semangat berjiran terhadap Kuala Lumpur selepas rusuhan pekerja rakyatnya itu yang menyebabkan penggantungan pengambilan pekerja baru Indonesia.

Menyedari banyaknya peluang pekerjaan di Malaysia yang boleh membantu mengurangkan beban pengangguran dan kesempitan hidup di tanah air sendiri, Hamzah berkata pengeksploitasi pekerja Indonesia perlu menyediakan pekerja

dengan latihan perlu sebelum menghantar mereka ke seberang laut.

Sudah tiba masanya Kuala Lumpur bertindak tegas terhadap sikap kurang ajar pendatang asing sama ada yang menyebut diri mereka pelancong, pelajar, pendatang, malah pelarian.

Kejadian tiga keluarga etnik Rohingya dari Myanmar yang merempuh masuk pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) serta kejadian sekumpulan pendatang Afrika melarikan diri dari trak polis ketika dibawa ke pusat tahanan jelas memperlihatkan kita tidak boleh bertolak ansur kepada orang asing terbabit, walaupun mereka beragama Islam.

Sudah banyak tolak ansur diberikan termasuk kepada pendatang Kemboja yang dulu lari daripada kekejaman Pol Pot dan Khmer Rouge tetapi kini meninggi diri di negara kita dengan berjaya dalam bidang perniagaan sedangkan mereka tidak boleh berniaga.

Keadaan itulah yang menjadi titik tolak pendatang Indonesia, walau apa pun alasan mereka seperti pelarian Aceh, pengembang ajaran Kristian dari Sumatera Utara atau Kalimantan serta ulama militan Indonesia yang mengajar keganasan kepada masyarakat Islam setempat.

Dalam pada itu, kehadiran rakyat China, Vietnam, malah Russia dan negara bekas Soviet seperti Uzbekistan yang menjadi pelacur dan kegiatan maksiat lain wajar ditangani dengan berkesan ke akar umbi untuk mengelak barah sosial itu menular dan merosakkan masyarakat kita.

Kehadiran pendatang haram terutama dari Indonesia dan tempat lain bagaikan mendukung biawak hidup dan kerap kali mereka berlagak seperti kacang lupukan kulit.

Sudah tiba masanya kerajaan menilai semula isu rakyat asing itu untuk menjaga periuk nasi dan kebajikan rakyatnya sendiri agar nasib kita tidak menjadi, kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan.

(END)